

Kerajaan Sarawak, BSB tandatangani MoU jalin kerjasama tingkatkan industri madu kelulut

By Md Azrin Rosly

22 Mei 2018 4.51 PM



TIMBALAN Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas serta Menteri Muda Pembangunan Tanah Adat, Datuk Roland Sagah Wee Inn dan Setiausaha Tetap Kementerian, Datuk Ik Pahon Joyik menyaksikan majlis menandatangani MOU diantara Pemangku Pengarah Pertanian Sarawak, Dr. Alvin Chai Lian Kuet mewakili kerajaan negeri dan Pengarah BSB, Tan Chun Chuang ketika Majlis Menandatangani MoU antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan BSB di Bilik Mesyuarat, Tingkat 20 Wisma Bapa Malaysia di sini sebentar tadi. - UTUSAN ONLINE

KUCHING 22 Mei - Kerajaan Sarawak dan syarikat Borneo Stingless Bee Sdn. Bhd. (BSB) hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk bekerjasama memperkukuhkan lagi industri madu kelulut di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, MoU itu merupakan mekanisme untuk melonjakkan keupayaan petani madu kelulut terutama di luar bandar dalam industri berkenaan.

Katanya, usaha itu diharap dapat mewujudkan pendapatan yang baik kepada petani yang sebelum ini lebih tertumpu kepada penanaman lada, kelapa sawit dan getah sering tidak menentu harganya di pasaran.

“Kita perlu bekerjasama syarikat berpengalaman untuk mentransformasikan petani luar bandar agar mampu mendapatkan pendapatan tinggi menjelang 2030,” katanya berucap dalam Majlis Menandatangani MoU Antara Kerajaan Sarawak dengan BSB di Wisma Bapa Malaysia di sini petang ini.

MoU itu ditandatangani oleh Pemangku Pengarah Pertanian Sarawak, Dr. Alvin Chai Lian Kuet mewakili kerajaan negeri dan Pengarah BSB, Tan Chun Chuang disaksikan Douglas Uggah.

Turut hadir; Menteri Muda Pembangunan Tanah Adat negeri, Datuk Roland Sagah Wee Inn dan Setiausaha Tetap Kementerian, Datuk Ik Pahon Joyik. - UTUSAN ONLINE